

18 FEB 1998

Mahathir-Brunei

DR MAHATHIR BERBINCANG DENGAN SULTAN BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengadakan perbincangan empat mata dengan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah di Kelab Golf Diraja Brunei di Jerudong, kira-kira 20 km dari sini.

Perbincangan selama satu setengah jam itu tertumpu kepada masalah ekonomi yang melanda rantau ini sebelum Perdana Menteri, yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, diraikan oleh Sultan Hassanal Bolkiah pada satu majlis makan malam di tempat yang sama.

Juga hadir pada majlis itu ialah dua isteri Sultan Brunei, Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Pengiran Isteri Anak Hajah Mariam, serta Menteri Luar Brunei, Putera Mohamed Bolkiah.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Malaysia, Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Khalid dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei, Wan Yusof Wan Embong, juga hadir.

Selepas majlis makan malam itu, Sultan Brunei yang memandu keretanya membawa Dr Mahathir melawat ke salah sebuah pusat hiburan terulung di Asia, Jerudong Park Garden.

Terdahulu semasa tiba di sini petang tadi, Dr Mahathir disambut oleh Menteri Perindustrian dan Sumber Utama Brunei, Pehin Datuk Abdul Rahman Mohammad Taib, yang juga menteri pengiring.

Perdana Menteri dan delegasi Malaysia kemudian berlepas ke rumah tetamu "Darul Taqwa" di Jerudong, tempat penginapan beliau semasa di sini.

Dr Mahathir akan berlepas ke Kota Kinabalu pagi esok untuk melakukan lawatan selama dua hari ke Sabah.-- BERNAMA

opp oba